

18/02/2000

PM sedia hadir mahkamah jika perlu

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia hadir sebagai saksi dalam kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim jika mahkamah memutuskan bahawa keterangannya relevan dengan perbicaraan itu.

"Ya, jika saya diperlukan di mahkamah dan ia relevan... tentulah saya kena pergi. Itu undang-undang. Tidak ada apa yang dapat saya lakukan mengenainya. Tetapi saya tidak suka ini menjadi (permainan) politik untuk menarik perhatian dan saya berharap ia relevan dengan kes.

"Jika tidak relevan kepada kes dan mereka cuma mahu menjadikannya 'pertunjukan politik', saya berpendapat ia sangat tidak wajar," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan "Persidangan Pengangkutan Udara Asia 2000" di Seri Kembangan di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai permintaan pihak pembelaan supaya beliau memberi keterangan pada perbicaraan itu.

(END)